

Ujian antibodi tak boleh tentu keberkesanan vaksin

Saringan dilulus FDA bertujuan kesan individu pernah dijangkiti COVID-19

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Keputusan negatif atau positif bagi ujian antibodi pasca penerimaan vaksin COVID-19, berkemungkinan besar tidak tepat kerana belum ada ujian yang boleh mengesan keberkesanan vaksin dengan sempurna buat masa ini.

Ini kerana ujian antibodi yang ada sekarang adalah dikhususkan untuk mengesan sama ada seseorang itu pernah dijangkiti COVID-19 dan bukan untuk mengesahkan seseorang itu sudah menerima vaksin serta dilindungi daripada COVID-19.

Pakar mikrobiologi klinikal, Prof Dr Zamberi Sekawi, berkata buat masa ini, semua komuniti saintifik dan badan kawal se-

lia kesihatan masih belum tahu apakah paras antibodi pepaku (*spike antibody*) yang sesuai untuk mengatakan individu itu sudah dilindungi selepas mendapatkan vaksin.

Antibodi pepaku menyasarkan atau melekat pada protein pepaku dan menghalang kemasyarakatan virus COVID-19 ke dalam sel tubuh, menetralkan virus serta mengelakkannya daripada berganda dalam badan)

“Perkara ini sebenarnya masih dalam kajian oleh saintis luar negara.

“Berikutan itu, semua komuniti saintifik dan badan kawal selia kesihatan seperti Pentadbiran Makanan dan Ubat-Ubatan (FDA) Amerika Syarikat, tidak menyarankan pelaksanaan ujian antibodi pasca vaksinasi COVID-19 buat masa ini,” katanya kepada *BH*.

Beliau mengulas laporan portal berita berhubung tiga individu yang mendapat keputusan ujian negatif bagi antibodi terhadap COVID-19 walaupun sudah menerima dua dos vaksin.

Ia susulan laporan dan dakwaan mengenai isu ‘suntikan vaksin kosong’ sebelum ini, namun Menteri Sains, Teknologi

dan Inovasi, Khairy Jamaluddin memaklumkan hanya 13 laporan polis diterima berkaitan isu itu.

Daripada jumlah itu, katanya, hanya satu kes disahkan berlaku akibat kecuaiannya penyuntik, manakala selebihnya salah faham dan tidak tepat.

Mengulas lanjut, Dr Zamberi yang juga Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM), berkata artikel yang melaporkan hasil ujian negatif pasca vaksin itu menyebut ujian yang dijalankan mengesan nukleokapsid.

“Ini adalah kaedah yang salah kerana nukleokapsid hanya terdapat dalam kalangan orang yang pernah dijangkiti COVID-19. Bagi individu divaksin, ujian yang perlu dilaksanakan adalah bagi mengesan antibodi pepaku, bukan nukleokapsid.

“Seandainya ujian dijalankan tepat dan didapati positif antibodi pepaku pun, kita masih belum boleh mengatakan individu itu sudah dilindungi daripada COVID-19.

“Ini kerana kita masih belum tahu apakah paras antibodi pepaku yang sesuai untuk mengatakan individu itu telah dilin-

dungi,” katanya.

Terdahulu, Penasihat Khas (Sains) kepada Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Prof Madya Dr Mohd Ghows Mohd Azzam, yang mengulas laporan portal berita itu menegaskan, ujian antibodi tidak disarankan untuk melihat kesan vaksinasi.

Katanya, ujian antibodi yang diluluskan oleh FDA adalah bertujuan untuk mengesan individu yang pernah dijangkiti COVID-19, bukan kesan vaksinasi.

“Kit ujian yang mengesan nukleokapsid tidak akan mengesan tindak balas antibodi daripada vaksin yang menyasarkan protein pepaku seperti Pfizer dan AstraZeneca.

“Jika kit ujian untuk protein pepaku dan memiliki sensitiviti yang rendah, ia tidak akan mengesan vaksin tak teraktif seperti Sinovac kerana ia menghasilkan tindak balas antibodi yang kuat, bukan semata-mata protein pepaku.

“Fungsi antibodi yang spesifik bagi meneutralkan virus adalah lebih penting berbanding tahap antibodi. Kesan peneutralan belum boleh dibaca oleh ujian serologi buat masa ini,” katanya.

“Buat masa ini, semua komuniti saintifik dan badan kawal selia kesihatan masih belum tahu apakah paras antibodi pepaku (*spike antibody*) yang sesuai untuk mengatakan individu itu sudah dilindungi selepas

dapatkan vaksin”



Dr Zamberi Sekawi,
Pakar mikrobiologi klinikal

“Fungsi antibodi yang spesifik bagi meneutralkan virus adalah lebih penting berbanding tahap antibodi. Kesan peneutralan belum boleh dibaca oleh ujian serologi buat masa ini”

Dr Mohd Ghows Mohd Azzam,
Penasihat Khas (Sains) kepada Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

